

NO. SOALAN : 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN
MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

Dato' Haji Mohd Fasiah Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan bilangan peniaga dan peruncit yang dikenakan tindakan kerana gagal mematuhi harga 13 barang yang disenaraikan dalam Skim Kawalan Harga sempena Tahun Baru Cina dan nyatakan jumlah kompaun dan denda yang telah dikenakan mengikut Akta Kawalan harga dan Antipencatutan 2011.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Kawalan Harga Musim Perayaan merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan tinggi semasa musim perayaan. **Para peniaga diwajibkan menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang ditentukan oleh Kerajaan sepanjang tempoh skim berkuat kuasa.**

Tindakan penguatkuasaan **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan Tahun Baru Cina 2016** telah dipergiatkan semasa skim ini berkuat kuasa. Tindakan pemeriksaan yang aktif dan penguatkuasaan yang tegas telah dipertingkatkan. Berikut adalah hasil tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan skim ini:

- i. Sebanyak **34,795 pemeriksaan** telah dilaksanakan di seluruh negara ke atas semua peringkat perniagaan; dan
- ii. Tindakan kes yang telah diambil ke atas peniaga adalah sebanyak **330 kes dengan jumlah peruncit yang dikenakan tindakan sebanyak 323 dan 7 lagi ke atas pemborong**. Keseluruhan nilai kompaun dikenakan ialah sebanyak **RM46,800.00**